



# SEKTOR SOSIAL

## Aktiviti masjid dan surau

<b>Merangkumi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua masjid dan surau kecuali kawasan yang diisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)</li><li>• Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.</li></ul>	<b>Waktu Operasi</b> <b>1 jam sebelum waktu solat hingga selesai</b>	<b>Jumlah Jemaah dibenarkan</b>	<b>Maksimum 1/3 daripada kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan sosial</b>
<b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>			
<b>Tindakan</b>		<b>Penerangan Ringkas</b>	
1) Kawalan penularan dan jangkitan		<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran Jemaah.</li><li>• Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu'.</li><li>• Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.</li></ul>	
2) Kawalan dan pengesanan		<ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatankuasa masjid/surau hendaklah mempunyai petugas yang mencukupi bagi membantu kawalan Jemaah.</li><li>• Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran.</li><li>• Pintu masjid dibuka sejam sebelum azan.</li></ul>	
3) Penandaan jemaah		<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurusan masjid hendaklah membuat penandaan jarak antara Jemaah sekurang-kurangnya 1 meter.</li></ul>	



# SEKTOR SOSIAL

## Aktiviti masjid dan surau

<b>Merangkumi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua masjid dan surau kecuali kawasan yang diisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)</li><li>• Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.</li></ul>	<b>Waktu Operasi</b> <b>1 jam sebelum waktu solat hingga selesai</b>	<b>Jumlah Jemaah dibenarkan</b>	<b>Maksimum 1/3 daripada kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan sosial</b>
<b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>			
<b>Tindakan</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>		
4) Etika jemaah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar masjid, sejauh 1 meter antara satu sama lain dan jemaah wajib memakai pelitup muka.</li><li>• Cara masuk dan keluar masjid mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal.</li><li>• Jemaah yang bergejala atau menghidap penyakit kronik dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan hadir.</li><li>• Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah membawa sejadah sendiri.</li><li>• Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang.</li><li>• Elakkan aktiviti bersalaman sesama yang hadir.</li><li>• Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti samada di dalam atau di luar masjid dan surau.</li><li>• Jemaah hendaklah mengambil wudhu' di rumah, namun dibenarkan memperbaruiinya di masjid/surau dengan mematuhi penjarakan sosial.</li><li>• Jemaah wanita juga dibenarkan hadir bersama.</li></ul>		

# SEKTOR SOSIAL

## Aktiviti masjid dan surau

<b>Merangkumi</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua masjid dan surau kecuali kawasan yang diisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)</li><li>• Pelaksanaan di Wilayah Persekutuan dan rujukan pelaksanaan di negeri lain.</li></ul>	<b>Waktu Operasi</b> <b>1 jam sebelum waktu solat hingga selesai</b>	<b>Jumlah Jemaah dibenarkan</b>	<b>Maksimum 1/3 daripada kapasiti dewan solat utama dengan penjarakan sosial</b>		
<b><u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u></b>					
<b>Tindakan</b>		<b>Penerangan Ringkas</b>			
5) Majlis Ilmu		<ul style="list-style-type: none"><li>• Hanya Kuliah Maghrib dan Kuliah Subuh dibenarkan dengan syarat Jemaah mematuhi penjarakan sosial.<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kuliah Maghrib ditamatkan sebaik sahaja masuk waktu 'Isyak.</li><li>▪ Kuliah Subuh dilaksanakan selama 20-30 minit sahaja.</li></ul></li></ul>			
6) Majlis Akad Nikah		<ul style="list-style-type: none"><li>• Majlis Akad Nikah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan sosial.</li></ul>			
7) Kemudahan Jemaah		<ul style="list-style-type: none"><li>• Ruang yang terhad di buka di masjid/surau untuk mereka yang ingin singgah solat seperti musafir serta pemandu perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran.</li></ul>			
<b>Semua aktiviti yang dibenarkan kecuali</b> Aktiviti yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang seperti kenduri, gotong royong dan seumpamanya.					
<b>Arahan Tetap</b> Tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri					